



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



LAPORAN

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) POLITEKNIK MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2014

12 – 14 OGOS 2014

DISEDIAKAN OLEH :

PN. HJH. NORMAH BIN HJ. JANTAN

**KETUA UNIT
UNIT PENYELIDIKAN & INOVASI
POLITEKNIK MERLIMAU**

KIK POLITEKNIK MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2014

Misi Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) iaitu penjana utama modal insan inovatif melalui pendidikan dan latihan transformasional bagi memenuhi keperluan tenaga kerja global menjelang 2015. Bagi merealisasikan misi ini, pendekatan baru yang lebih kreatif dan inovatif khususnya dari segi strategi, struktur dan pembudayaan di JPP perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, penubuhan pasukan-pasukan kerja di peringkat pensyarah/staf atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) adalah signifikan dalam menyelesaikan masalah secara inovatif dan kreatif serta melonjakkan kecemerlangan organisasi. Langkah ini juga adalah sejajar dengan usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti organisasi yang lebih sistematik, cekap dan berkesan khususnya dalam konteks mewujudkan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (Total Quality Management) di Jabatan Pengajian Politeknik.

Pelaksanaan KIK di JPP telah dipergiatkan pada tahun 2012 dan telah merancang untuk meningkatkan lagi aktiviti KIK melalui penyertaan pertandingan dan aktiviti pembudayaan KIK. Sehubungan itu, pertandingan KIK telah dirancang bagi memberi pengiktirafan kepada warga JPP yang telah menunjukkan prestasi cemerlang melalui projek KIK yang dilaksanakan. Di peringkat politeknik konvensyen kali pertama di peringkat kebangsaan telah diadakan di Politeknik Seberang Prai. Kali kedua di Politeknik Kota Bharu dan seterusnya pada 2014, penganjuran telah diserahkan kepada Politeknik Merlimau. Dari segi kriteria dan format pemarkahan, konvensyen pada tahun ini menggunakan pemarkahan format MAMPU. Format ini melibatkan 3 aktiviti iaitu pembentangan, pameran dan viva. Di konvensyen kali ini juga telah diperkenalkan satu lagi format baru iaitu “on site panel”.

Anugerah KIK dan Inovasi yang dipertandingkan ialah bagi kategori Pengurusan dan kategori Teknikal.

Kategori Pengurusan ialah projek yang berkaitan dengan hal-hal pentadbiran atau sistem prosedur kerja. Contohnya projek pengurusan ialah penggabungan borang permohonan, lesen komposit, pengenalan borang baru, pelaksanaan prosedur kerja baru, pengenalan sistem kerja baru atau pengubahsuaian sistem lama kepada sistem baru yang boleh menjimatkan masa, meningkatkan kepuasan hati pelanggan serta faedah lain.

Kategori teknikal ialah projek yang menggunakan bidang pengetahuan yang tertentu seperti kejuruteraan, seni perusahan (industrial arts) dan sains gunaan (applied science). Masalah projek yang dikenalpasti dan telah diselesaikan oleh kumpulan adalah berhubung kait dengan bidang tertentu ini. Cadangan yang dikemukakan dan dilaksanakan juga adalah dalam bidang yang sama. Contoh projek teknikal ialah penciptaan peralatan baru, pembangunan sistem komputer atau perisian komputer, perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia dan perwujudan kaedah teknikal baru.

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2014 peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia kali Ke 3 telah di pertandingan selama tiga hari pada 12-14 Ogos 2014 di Dewan Platinum Politeknik Merlimau. Konvensyen kali ini menyaksikan sebanyak 31 kumpulan iaitu 14 kumpulan bagi kategori Teknikal dan 17 kumpulan kategori Pengurusan mengambil bahagian pada konvensyen KIK tersebut. Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik, Jabatan

Pengajian Politeknik, Dr. Abdul Rahim Ahmad dalam ucapan perasmianya berkata, objektif KIK adalah memberi penekanan inovasi dan kreativiti dalam menyelesaikan masalah pembelajaran dan pengajaran (P&P) serta pengurusan politeknik. "Sehubungan itu, cetusan idea para pensyarah bagi memudahkan P&P bukan sahaja membawa manfaat kepada sistem pembelajaran Politeknik malahan membantu para pelajar memahami serta mempercepatkan kaedah pembelajaran mereka" katanya. Penilaian dijalankan kepada para peserta dalam konvensyen kali ini dengan menekankan empat kriteria iaitu 'on site panel' (20%), persembahan (20%), viva (40%) dan tapak pameran (20%) yang membawa markah keseluruhan sebanyak 100%. Panel Penilai terdiri daripada Dr Wan Mohd Kamil bin Dato' Wan Nik daripada Ibu Pejabat Perkhidmatan Jabatan Veterinar, En Azmi Bin Ahmad daripada Jabatan Kastam, En Naim Mohamad dan En Mohd Tamrin bin Enche Yusoff daripada Kementerian Belia dan Sukan.



Kumpulan One AIM dari Politeknik Mukah Sarawak(PMU) telah menjadi johan bagi kategori Teknikal dengan tajuk "Pemantauan Bekalan Air Kurang Efisen Di PMU. Politeknik Tuanku

Syed Sirajuddin (PTSS) Perlis pula telah menjadi johan kategori pengurusan dengan tajuk “Penggunaan Stok Bekalan Pejabat tidak Efisen”. Pemenang kategori pameran terbaik dimenangi oleh Politeknik Merlimau (PMM), pemenang kategori persembahan terbaik dimenangi oleh Politeknik Port Dickson (PPD) dan pemenang bagi kategori Viva terbaik dimenangi oleh Politeknik Mukah Sarawak (PMU). Johan keseluruhan Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia Tahun 2014 dinobatkan kepada Politeknik Mukah Sarawak. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Datuk Mohlis bin Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik di Hotel Equatorial Melaka.

**PEMENANG KONVENSYEN KIK PERINGKAT KEBANGSAAN
POLITEKNIK 2014**

Johan Keseluruhan

(ONE AIM)
POLITEKNIK MUKAH SARAWAK



Keratan Akhbar Melaka Hari ini (19/08/2014)

Politeknik pemangkin budaya inovasi

Oleh MOHD. HAMZATUL AKMAR
MD. ZAKARIA

BANDAR RAYA MELAKA 18 Ogos - Politeknik Malaysia membuat pendekatan menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) 2014 Peringkat Kebangsaan sebagai usaha mendukung hasrat kerajaan membangunkan budaya inovatif serta kreatif di kalangan masyarakat.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Mohlis Jaafar berkata, konvensyen itu dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan warga kerja politeknik dalam membudayakan inovatif



serta kreatif dalam kehidupan seharian mereka.

"Melalui konvensyen ini, tidak mustahil untuk masyarakat melihat budaya inovatif serta kreatif yang mampu diterapkan secara berkesan kepada warga kerja politeknik," ujarnya.

Mohlis berkata demikian ketika berucap di Majlis Penutup Konvensyen KIK 2014 Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia, di Hotel Equatorial, Jumaat lalu yang turut dihadiri Pengarah Politeknik Merlimau, Zolkarnain



MOHLIS (dua, kanan) menyampalkan trofi juara keseluruhan kepada wakil PMU pada Majlis Penutup Konvensyen KIK 2014 Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia, di Hotel Equatorial, Banda Hilir, Jumaat lalu.

Jobshi.

Katanya, penganjuran konvensyen ini juga dilihat sebagai pentas buat warga Politeknik seluruh Malaysia untuk memamerkan daya kreativiti inovasi

mereka dalam pelbagai bidang seperti pengurusan serta teknikal.

"Inovasi merangkumi semua bidang dan setiap pembaharuan itu haruslah sejajar dengan keperluan serta pemba-

ngunan negara secara amnya," katanya.

Sebanyak 31 kumpulan membabitkan 19 politeknik mengambil bahagian di mana 14 kumpulan dalam Kategori Teknikal manakala 17 lagi dalam Kategori Pengurusan.

Lebih 1,000 warga kerja Politeknik seluruh Malaysia hadir dalam konvensyen tersebut.

Sementara itu, Politeknik Mukah Sarawak (PMU) berjaya menjadi juara keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) 2014 Peringkat Kebangsaan menerusi projek bertajuk 'Pemantauan Bekalan Air Kurang Efisien Di PMU'.

Selaku johan keseluruhan, PMU berjaya menggondol hadiah wang tunai RM1,500 beserta sijil dan trofi kejuaraan.



WARGA kerja Politeknik Mukah (PMU) bersama Mohlis (sembilan, kanan) dan Zolkarnain (lapan, kanan).

Keratan Akhbar Utusan (16/08/2014)



MOHLIS Jaafar (lima dari kanan) menyampalkan replika cek hadiah kepada kumpulan dari Politeknik Mukah selaku juara keseluruhan dalam majlis penutup Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif Peringkat Kebangsaan Politeknik di Banda Hilir, Melaka, malam kelmarin.

Konvensyen KIK lahir warga politeknik berinovasi

MELAKA 15 Ogos - Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) dilihat sebagai medium terbaik dan berkesan dalam melahirkan warga pendidik Jabatan Pengajian Politeknik yang berinovasi dan kreatif selain dapat mengukur tahap kompetensi mereka dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi jabatan.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar berkata, melalui konvensyen itu, warga pendidik politeknik telah berjaya menghasilkan produk inovasi yang bukan sahaja menarik malah dapat diaplikasikan untuk memenuhi kehendak jabatan.

Menurutnya, konvensyen berkenaan juga selari dengan hasrat kerajaan untuk membudayakan kreativiti dan inovasi

dalam perkhidmatan awam me salah satu agenda utama kerajaan. gai langkah mempersiapkan kakita awam untuk lebih produktif.

"Faktor kekangan seperti kewaja dan sumber manusia menuntut pegawai melaksanakan tugas lebih banyak dengan sumber yang had namun masalah itu dapat dihd dengan baik sekiranya setiap v kerja memiliki budaya inovasi daratif dalam menangannya.

"Di peringkat politeknik, daripada konvensyen ini kita hara dapat menemukan dengan pro inovasi atau idea kreatif yang pat menyumbang kepada kema Jabatan Politeknik Malaysia i tamanya dalam aspek pengaj dan pendidikan," katanya.